



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

BENTUK-BENTUK PAMERAN MUZIUM DIRAJA KELANTAN

Rosmarina Binti Mat Jaafar

24926

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

BENTUK-BENTUK PAMERAN MUZIUM DIRAJA KELANTAN

ROSMARINA BINTI MAT JAAFAR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: BENTUK-BENTUK PAMERAN MUZIUM DIRAJA KELANTAN

SESI PENGAJIAN: 2011/2012

Saya **ROSMARINA BINTI MAT JAAFAR** mengaku membenarkan tesis/laporan ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *Sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat Tetap:
Simpang 3 Kampung Alor Pasir,
16250 Wakaf Baharu,
Kelantan.

Catatan: * Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh Tesis/Laporan ini perlu dikelaskan SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Bentuk-bentuk pameran Muzium DiRaja Kelantan**' ini telah disediakan oleh **Rosmarina binti Mat Jaafar** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Tn. Hj. Mohd Ghazali bin Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah Subhannallah Taala yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana Projek Tahun Akhir sesi 2011/2012 pada masa yang ditetapkan. Perhargaan tidak terhingga kepada Tuan Haji Ghazali selaku penyelia saya yang mana banyak meluangkan masa dalam memberikan bimbingan, panduan serta cadangan yang membina sehingga kajian ini dapat direalisasikan. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang terlibat secara tidak langsung iaitu Miss Karen, Puan Anna Durin, Dr. Noriah dan Dr. Indra Utama juga membimbing saya dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Sekalung penghargaan buat kedua ibu bapa saya yang tercinta iaitu Mat Jaafar bin Yusof (bapa) dan Rahimah binti Bakar (ibu) serta adik beradik yang tersayang kerana telah banyak memberikan sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bagi kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Pengorbanan penyelia dan ahli keluarga yang memberikan sokongan dan bantuan ketika saya menjalankan kajian penyelidikan telah banyak memberi semangat untuk saya terus berjuang demi mencapai kejayaan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Perbadanan Muzium Negeri dan Muzium DiRaja Kelantan kerana telah banyak membantu saya dalam memberikan maklumat yang berguna kepada kajian penyelidikan saya. Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam memberikan dorongan dalam menjayakan kajian penyelidikan ini. Segala jasa kalian semua saya ingati dan akan saya kenang selalu. Semoga kalian akan dirahmati hendak-Nya.

Sekian, Wassalam

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka surat
PENGESAHAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	viii
SENARAI PLAT	viii
SENARAI GRAF	ix
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB SATU: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	5
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Batasan Kajian	7

1.5 Kaedah Kajian	8
1.6 Kerangka Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Skop Kajian	12
1.9 Organisasi penyampaian	13
BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.0 Pengenalan	15
2.1 Definisi Muzium	16
2.2 Sejarah Muzium	21
2.3 Ciri-Ciri Muzium	23
2.3.1 Pameran	23
2.3.2 Promosi	24
2.3.3 Koleksi	27
2.3.4 Pemeliharaan	28
2.3.5 Pemuliharaan	29
2.4 Sejarah Muzium di Malaysia	30
2.5 Perkembangan Muzium di Kelantan	31
2.6 Muzium DiRaja Kelantan	35

2.7 Rumusan	38
-------------	----

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	39
----------------	----

3.1 Lokasi Kajian	40
-------------------	----

3.2 Data	41
----------	----

3.2.1 Data Primer	41
-------------------	----

3.3.2 Data Sekunder	44
---------------------	----

3.3 Populasi	44
--------------	----

3.4 Persampelan	45
-----------------	----

3.5 Instrumen Kajian / Peralatan yang digunakan	47
-------------------------------------------------	----

3.5.1 Perisian <i>microsoft excel</i>	47
---------------------------------------	----

3.5.2 Borang soal selidik	48
---------------------------	----

3.5.3 Kamera digital	48
----------------------	----

3.5.4 Buku catatan / alat tulis	48
---------------------------------	----

3.5.5 Laptop / Komputer riba	48
------------------------------	----

3.6 Limitasi Kajian / Masalah yang dihadapi	49
---------------------------------------------	----

3.7 Rumusan	50
-------------	----

BAB EMPAT: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	51
----------------	----

4.1 Mengenalpasti bentuk-bentuk pameran yang dipamerkan	52
4.1.1 Temuramah	52
4.1.2 Pemerhatian	53
4.2 Mengenalpasti koleksi bahan-bahan yang dipamerkan	62
4.2.1 Temuramah	62
4.2.2 Pemerhatian	63
4.3 Menganalisis profil kedatangan dan kekerapan pengunjung	70
4.3.1 Temuramah	70
4.3.2 Borang soal selidik	72
4.4 Menganalisis persepsi responden terhadap pameran yang dipamerkan	80
4.4.1 Borang soal selidik	80
4.5 Hasil dapatan kajian	94
BAB LIMA: CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
5.0 Pengenalan	95
5.1 Rumusan keseluruhan kajian	96
5.2 Cadangan	97
5.2.1 Merangka dan memperbanyakkan aktiviti	98
5.2.2 Menjalinkan hubungan kerjasama dengan media massa	98
5.2.3 Mengemaskini laman web	100

5.2.4 Mengadakan penambahbaikan pada sudut pameran dan koleksi	101
5.2.8 Meningkatkan mutu perkhidmatan	101
5.3 Cadangan untuk kajian akan datang	103
5.4 Rumusan	103
RUJUKAN	104
LAMPIRAN	107

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1 Jumlah pengunjung Muzium DiRaja Kelantan	70
-----------------------------------------------------	----

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1 Kerangka kajian bentuk seni rupa	9
Rajah 1.2 Penjelasan kerangka kajian Muzium Diraja Kelantan	10

SENARAI PLAT

Plat 3.1 Lokasi muzium	40
Plat 4.1 Bilik tamu	55
Plat 4.2 Bilik biru	56
Plat 4.3 Bilik kuning	57
Plat 4.4 Bilik kuning langsung	58
Plat 4.5 Bilik hijau	59
Plat 4.6 Bilik ungu	60
Plat 4.7 Bilik cenderamata	61
Plat 4.8 Mahkota	63
Plat 4.9 Gendek	64
Plat 4.10 Pakaian diraja	65

Plat 4.11 Tepak sireh	66
Plat 4.12 Keris Kerajaan	67
Plat 4.13 Koleksi barangan tembaga	68
Plat 4.14 Seterika arang	69
Plat 4.15 Tempayan	69

SENARAI GRAF

Graf 4.1 Analisis jantina	73
Graf 4.2 Analisis umur	74
Graf 4.3 Analisis tempat tinggal responden	75
Graf 4.4 Analisis taraf pendidikan responden	76
Graf 4.5 Analisis kaum responden	77
Graf 4.6 Analisis pekerjaan responden	77
Graf 4.7 Analisis kekerapan melawat	78
Graf 4.8 Analisis cara melawat	79
Graf 4.9 Analisis sebab melawat	80
Graf 4.10 Analisis persepsi responden terhadap bilik tamu	81
Graf 4.11 Analisis persepsi responden terhadap bilik biru	82

Graf 4.12 Analisis persepsi responden terhadap bilik kuning	83
Graf 4.13 Analisis persepsi responden terhadap bilik kuning langsung	84
Graf 4.14 Analisis persepsi responden terhadap bilik hijau	85
Graf 4.15 Analisis persepsi responden terhadap bilik ungu	86
Graf 4.16 Analisis persepsi responden terhadap bilik cenderamata	87
Graf 4.17 Analisis pameran yang digemari	88
Graf 4.18 Analisis pameran berkesan	89
Graf 4.19 Analisis penerangan pameran oleh kakitangan muzium	90
Graf 4.20 Analisis tahap pemahaman responden terhadap pameran	90
Graf 4.21 Analisis layanan yang diberikan oleh kakitangan muzium	91
Graf 4.22 Analisis penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden	92
Graf 4.23 Analisis kelemahan pameran	93
Graf 4.24 Analisis keseluruhan pameran	93

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji bentuk-bentuk pameran yang terdapat di Muzium DiRaja Kelantan. Ia meliputi aspek konservasi, penyimpanan, perolehan dan kaedah mempamerkan koleksi hak milik keluarga diraja. Muzium ini menjadi jambatan penghubung masyarakat Kelantan untuk lebih mengenali institusi pemerintahan. Walau bagaimanapun masyarakat beranggapan bahawa muzium hanyalah sebagai tempat simpanan barang antik dan tidak berbaloi untuk dikunjungi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk pameran yang terdapat di Muzium DiRaja, mengenalpasti koleksi barang-barang yang dipamerkan, menganalisis profil kedatangan pengunjung dan menganalisis persepsi serta pandangan pengunjung terhadap pameran yang dipamerkan. Dapatan kajian mendapati bentuk-bentuk pameran terbahagi kepada bilik-bilik yang disusun atur indah dengan barangan Kristal, perak, tembaga dan perabut antik. Bahagian akhir dalam kajian ini mencadangkan Muzium DiRaja Kelantan perlu menggunakan instrument-instrument digital seperti *sound effect* untuk menjadikan sesebuah pameran kelihatan hidup bagi menarik minat pengunjung.

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Muzium secara umumnya adalah tempat mengumpul, memelihara dan mempamerkan bukti kebendaan yang mengaitkannya antara manusia dengan alam persekitaran (Kamariah Abu Samah. 2004:13). Bukti kebendaan ini merangkumi pelbagai jenis artifak yang dipamerkan berkaitan dengan seni budaya dan warisan negara. Hal ini secara tidak langsung memberikan manfaat yang berguna kepada masyarakat khususnya generasi muda untuk lebih mengenali warisan dalam sesebuah budaya dan sejarah negara sepanjang hayat.

Menurut Willard L.B (1991) “... *museum visitors learn more and return more when they are actively engaged*”. Bermaksud, “... pelawat muzium akan kembali jika mereka mendapat manfaat”. Pandangan ini menunjukkan bahawa masyarakat menghayati dan mengaplikasikan peranan yang dimainkan oleh pihak muzium yang dapat memberikan manfaat dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa melawat muzium dan menyaksikan pameran yang dianjurkan oleh muzium tidak sama seperti ilmu yang diperolehi di sekolah atau pusat pengajian. Oleh itu, peranan yang

dimainkan oleh muzium penting kepada masyarakat kerana melalui muzium, manusia boleh mengetahui maklumat-maklumat berkaitan koleksi dan artifak berharga dengan lebih terperinci. Ilmu pengetahuan yang diperolehi berupaya mendidik masyarakat dalam menjalani kehidupan dengan lebih cemerlang dan gemilang untuk masa-masa yang akan datang.

Hala tuju muzium mula berubah ke arah yang lebih professional serta lebih menjurus ke arah pendidikan masyarakat apabila *International Council of Museum* (ICOM) ditubuhkan pada tahun 1946 yang bertempat di Paris. Menurut ICOM dalam mesyuarat agong pada tahun 1974 menggariskan muzium sebagai sebuah tempat yang tidak mencari keuntungan, institusi bersifat tetap, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya terbuka kepada masyarakat umum yang memperoleh, memelihara, menyelidik, menghubungkan serta mempamerkan bagi tujuan pembelajaran, pendidikan, ilmu pengetahuan, hiburan, bukti-bukti tinggalan sejarah manusia dan persekitaran (www.muzeumSarawak.com/definisi.htm).

Kod etika profesional ICOM (*ICOM Code of Professional Ethics*) yang disahkan dalam Mesyuarat Agung ICOM ke-115 di Buenos Aires, Argentina pada 4 November 1986 menjadi panduan dan rujukan oleh kebanyakan institusi muzium di dunia dalam usaha memantapkan pengurusan serta meningkatkan imej muzium sebagai pusat pendidikan sejarah negara (Redzuan Tumin, 2004:17).

Secara asasnya muzium merupakan satu saluran komunikasi sosial yang menghubungkan antara penyampai dengan masyarakat sasaran yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Komunikasi ini terbentuk melalui aktiviti-aktiviti yang disertai dan

ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa proses pembelajaran. Biasanya penyampaian pameran berkomunikasi dalam dua bentuk iaitu bentuk pertama adalah komunikasi secara tidak langsung kepada pengunjung seperti penerangan melalui gambar, foto, objek ataupun tayangan video yang dipamerkan dalam sesebuah pameran manakala komunikasi kedua pula adalah secara langsung ataupun penerangan lisan dalam menghuraikan perkara-perkara secara bersemuka dan perbincangan dalam kalangan pengunjung semasa pameran dijalankan (Muhd Abi Sofian Abd Halim, 2005:4).

Oleh itu, kekuatan muzium umumnya terletak pada sesebuah pameran yang dipamerkan dan dipersembahkan kepada pengunjung dengan menggunakan kaedah atau teknik-teknik yang menarik serta interaktif yang tidak mengira sama ada pameran bersifat tetap, sementara, bergerak dan khas.

Di Malaysia, muzium pada peringkat awalnya dikenali sebagai ‘sekolah gambar’ kerana selain artifak arkeologi, gambar-gambar bersejarah turut dipamerkan kepada pandangan umum. Walau bagaimanapun, peredaran masa dan pertambahan pengalaman terutama yang ada kaitan secara langsung dengan pengurusan serta aktiviti-aktiviti muzium telah berjaya membentuk sebuah identiti baru bagi muzium agar lebih menarik minat masyarakat umum untuk mengunjunginya (www.muzium.terengganu.gov.my).

Hal ini secara tidak langsung turut mengubah pandangan orang ramai terhadap institusi muzium. Manusia mula membuka mata dan hati mereka dengan menerima bahawa institusi seperti muzium ini amat penting bagi mengelakkan kepupusan segala bentuk artifak, bahan-bahan sejarah, barang peninggalan nenek moyang dan adat warisan sesebuah kaum. Selain itu, muzium juga berfungsi sebagai sebuah institusi berasaskan

pendidikan sepanjang hayat yang memberikan ilmu pengetahuan berguna kepada generasi baru dan generasi yang akan datang berkaitan sejarah serta warisan negara.

Negeri Kelantan iaitu bandar Kota Bharu telah diisytiharkan sebagai Kota Budaya dalam acara gilang gemilang yang disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn Al-Marhum Sultan Yahya Petra yang bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV. Ini dapat dilihat dengan pembinaan Kota Ismail Petra yang terletak di hadapan Istana Balai Besar yang menjadi kebanggaan rakyat negeri Kelantan sebagai salah satu daya tarikan pelancong. Selain itu, terdapat juga muzium-muzium dan tempat-tempat bersejarah yang secara langsung memainkan peranan penting dalam usaha memperkenalkan budaya serta warisan masyarakat negeri Kelantan (Mohamad Zain Saleh, 2001:82).

Muzium DiRaja atau lebih dikenali sebagai Istana Batu merupakan salah sebuah muzium yang terletak di dalam bandar Kota Bharu yang berfungsi untuk mengumpul, memelihara dan memaparkan koleksi serta adat istiadat diraja Melayu. Muzium ini berlatar belakangkan sebuah istana yang telah menjadi tempat bersemayam Sultan Yahya Petra sehinggalah tahun 1961 sebelum baginda berpindah ke Istana Kota Lama yang dijadikan istana rasmi Sultan Kelantan. Pada tahun 1966, Istana Batu ini telah diubahsuai menjadi kediaman rasmi Dato' Tengku Salwani Al-Marhum Sultan Yahya Petra sehingga tahun 1969 sebelum Istana Batu ini dijadikan istana rasmi kepada Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota iaitu Tengku Ismail Petra Ibn Al-Marhum Sultan Yahya Petra. Baginda telah bersemayam di Istana Batu sehingga tahun 1972 sebelum berpindah ke Istana Kota Lama dan ditabalkan menjadi Sultan dan Yang Dipertuan bagi negeri Kelantan Darul Naim sehingga tahun 2010 (<http://kelantan.muzium.net>).

1.1 Permasalahan Kajian

Muzium merupakan sebuah institusi yang menyimpan koleksi artifak purba sezaman untuk dipulihara, dipelihara dan didokumentasikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat dan penyelidik mengenai pelbagai proses kehidupan manusia pra-sejarah dan masa kini. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk memapar, meneliti dan mengenalpasti bentuk-bentuk pameran Muzium DiRaja Kelantan. Dalam ucapan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal Sempena Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2008, beliau menyatakan bahawa masyarakat beranggapan bahawa muzium hanyalah sebagai tempat simpanan barang antik dan tidak berbaloi untuk dikunjungi. Hal ini mendatangkan masalah yang cukup besar kepada negara kerana pembabitan aktif daripada golongan belia dalam bidang pemuziuman amat penting dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai ahli sejarah dan kurator pada masa akan datang.

Datuk Seri Mohd Shafie Apdal turut menyatakan bahawa ada kalanya tema pameran yang diajurkan oleh pihak muzium adalah tidak bersesuaian dan kadang kala sukar difahami oleh pengunjung. Pihak muzium juga tidak menggunakan pendekatan secara naturalistik bagi menarik perhatian pengunjung untuk berkunjung ke muzium dengan memainkan peranan yang lebih efektif dan efisien bagi menjadikan muzium sebagai institusi pendidikan yang berkesan. Dengan itu, mereka yang mencintai ilmu pasti gemar terhadap muzium seperti mana seseorang itu suka membaca buku (www.ucapanharimuzium2008.com).

Berdasarkan pandangan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tersebut bahawa muzium tidak diminati oleh pengunjung atau masyarakat kerana muzium dianggap

sebagai warisan masa lalu yang tidak boleh dimanfaatkan sedangkan muzium sepatutnya menjadi pusat rujukan dan pengajian tentang sejarah dan warisan bangsa dan negara yang amat penting. Ini menunjukkan bahawa faktor kekurangan ilmu tentang pemuziuman menyebabkan masyarakat beranggapan muzium tidak penting.

Oleh itu, satu sistem pendidikan perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat supaya mencintai muzium dan datang mengunjungi muzium sebagai bahan rujukan penting dalam mengenali seni, budaya, tamadun serta perkembangan sejarah sesebuah bangsa. Oleh itu, muzium perlu dikenali melalui pembelajaran berkaitan sejarah dan budaya bangsa sesebuah masyarakat. Maka sesuai dengan kajian ini, muzium harus didekati dan didalami melalui pembelajaran ilmu permuziuman.

1.2 Objektif Kajian

Objektif utama dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji bentuk-bentuk pameran yang terdapat di Muzium DiRaja Kelantan.
2. Mengkaji koleksi bahan-bahan yang dipamerkan oleh pihak Muzium DiRaja Kelantan.
3. Menganalisis profil kedatangan dan kekerapan pengunjung yang mengunjungi Muzium DiRaja Kelantan.
4. Menganalisis persepsi dan pandangan pengunjung terhadap pameran Muzium DiRaja Kelantan.

1.3 Persoalan Kajian

Setelah meneliti beberapa permasalahan yang wujud berkaitan Muzium DiRaja Kelantan, fokus kajian yang dijalankan adalah melihat beberapa aspek yang melibatkan skop kajian melingkungi persoalan-persoalan yang dikemukakan. Antara persoalan yang diutarakan ialah :

1. Apakah bentuk-bentuk pameran yang dipamerkan di Muzium DiRaja?
2. Apakah koleksi bahan-bahan yang dipamerkan di Muzium DiRaja Kelantan?
3. Bagaimanakah tahap kecenderungan pengunjung terhadap pameran di Muzium DiRaja Kelantan.
4. Bagaimanakah persepsi dan tanggapan pengunjung selepas melawat ke Muzium DiRaja Kelantan?

1.4 Batasan Kajian

Penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji adalah di Muzium DiRaja Kelantan yang terletak di pusat bandar Kota Bharu. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memfokuskan kepada bentuk-bentuk pameran dan pandangan pengunjung selepas melawat ke Muzium DiRaja. Muzium DiRaja merupakan salah sebuah muzium di antara 6 buah muzium yang terdapat di negeri Kelantan yang menyimpan berbagai-bagai khazanah yang menceritakan salasilah keluarga diraja Kelantan dari pemerintahan Al-Marhum Sultan Yahya Petra sehingga kini.

Muzium DiRaja penting kepada pengunjung dan pelancong dalam mengetahui budaya, warisan dan adat istiadat keluarga diraja. Dengan berkunjung ke muzium,

pengunjung dapat mengenali budaya dan salasilah keluarga diraja dalam jangka masa yang singkat di samping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan institusi pemerintahan negara. Pameran yang terdapat di Muzium DiRaja dibahagikan kepada tujuh bilik iaitu Bilik Hijau, Bilik Ungu, Bilik Cenderamata, Bilik Kuning Langsung, Bilik Biru, Bilik Kuning dan Bilik Tamu.

1.5 Kaedah Kajian


Penyelidikan merupakan dua kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperolehi munasabah melalui pengumpulan data terus daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. Penyelidikan merupakan satu proses yang sistematik yang melibatkan proses perancangan kaedah penyelidikan, pengumpulan data, melaporkan maklumat dan menghuraikan data (Chua Yan Piaw, 2006:6).

Penyelidikan dapat memberi jawapan kepada ketidakpastian berbangkit yang digunakan sebagai:

- i) Alat untuk memperolehi sumber pengetahuan yang sah dan boleh dipercayai, iaitu sumber pengetahuan yang saintifik dan logik.
- ii) Alat untuk memungut bukti kepada keraguan iaitu memberi jawapan kepada keraguan dan masalah yang timbul.
- iii) Alat untuk membetulkan stereotaip, tradisi dan kepercayaan yang tidak benar.
- iv) Alat ramalan iaitu untuk meramalkan kewujudan suatu fenomena.

- v) Alat penerangan iaitu untuk menerangkan keadaan sebenar dalam suatu fenomena seperti perbezaan, perhubungan dan sebagainya. Kuning dan Bilik Tamu.


1.6 Kerangka Kajian



Rajah 1.1 Kerangka kajian bentuk seni rupa

Menurut Syed Ahmad Jamal dalam bukunya yang berjudul *Rupa dan Jiwa* (1992) menyatakan muzium merupakan seni tampak dan ia juga merupakan seni rupa yang lahir daripada kesedaran terhadap intisari sesuatu hasil ciptaan iaitu melalui bentuk tampaknya kepada dimensi yang terjalin pada rupa ciptaan itu. Ini menjadi titian di antara realiti yang zahir dan batin serta berperanan sebagai perantara jiwa pencipta dan penghayat.”

Berdasarkan kerangka kajian dalam rajah 1.1 bahawa manusia sebagai makhluk sosial telah meninggalkan artifak-artifak yang berbentuk seni rupa seperti patung, senjata, bahan-bahan kraf, periuk belanga dan sebagainya. Artifak-artifak ini dikumpulkan dalam suatu tempat mengumpul koleksi dan himpunan sebagai proses pembelajaran kepada manusia akan datang dan juga sebagai tanda bahawa ketamadunan manusia sentiasa berubah menuju ke hadapan.



Rajah 1.2 Penjelasan kerangka konseptual Muzium DiRaja Kelantan

Oleh itu, berdasarkan hujahan yang dikemukakan dapatlah dirumuskan kerangka konseptual muzium adalah seperti rajah 1.2 di sebelah yang terdiri daripada manusia, seni rupa dan muzium. Manusia iaitu lelaki dan perempuan terdiri daripada petugas muzium, pengunjung tempatan dan pengunjung luar yang mempunyai kaitan dengan muzium.